

# Perjanjian hampir siap dirangka

—Daripada—  
Zulkafli Baharuddin

WASHINGTON 7 Julai — Pentadbiran Bush dan Kerajaan Singapura hampir selesai merangka satu perjanjian yang membolehkan jet pejuang F-16 dan kapal perang Amerika Syarikat berpangkalan di pulau itu, satu perkembangan yang akan meningkatkan tekanan ke atas Filipina untuk memutuskan sama ada ia mahu meneruskan hubungan kententeraan dengan negara kuasa besar itu.

Dalam satu laporan akhbar *The Washington Post* hari ini, seorang pegawai pentadbiran berkata, perjanjian dengan Singapura itu "bukanlah merupakan satu penggantian" bagi kehadiran tentera Amerika Syarikat di pangkalan tentera laut di Teluk Subic dan Pangkalan Udara Clark.

Kemudahan baik-pulih dan latihan yang besar itu merupakan satu perkara yang sensitif dalam rundingan di antara Jabatan Negara dan Kerajaan Presiden Corazon Aquino.

Di bawah perjanjian itu adalah dijangka bahawa beberapa jet pejuang F-16 Amerika Syarikat akan ditempatkan di Singapura selama enam hingga tujuh bulan setahun, sementara kapal perang Amerika Syarikat akan singgah di Pelabuhan Dalam Singapura untuk mendapat bekalan, baik-pulih dan cuti daratan (*shore leave*).